

Bahang pemilihan MPP bermula



Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad (tiga dari kanan) beramah mesra dengan ahli baharu MPP USIM sesi 2014/2015

Nilai: Bahang pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) kini bermula dengan lima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mendahului IPTA lain apabila mengadakan sesi pengundian pemilihan MPP sesi 2014/2015, baru-baru ini.

IPTA terbabit ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Di USIM, keputusan pemilihan MPP pada 10 November lalu menyaksikan pelajar Tahun Tiga Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, Abdul Muiz Abdul Hakim, dilantik sebagai Yang Dipertua MPP selepas memperoleh undian tertinggi.

Abdul Muiz dari Fakulti Syariah dan Undang-undang memperoleh 6,706 undi, bersyukur dengan keputusan itu walaupun pada mulanya tidak menyangka mampu memperoleh undian tertinggi.

Katanya, tujuan utama bertan-

ding adalah untuk memperjuangkan pelbagai isu berkaitan mahasiswa dengan pihak pentadbiran.

Pemilihan MPP kali ini menyaksikan seramai 21 calon bertanding merebut 16 kerusi di lapan fakulti, manakala 13 calon merebut lapan kerusi umum.

Laksana tanggungjawab

USIM melarang calon bertanding atas tiket kumpulan, sekali gus tidak membabitkan kumpulan Pro-Aspirasi (Pro-A) atau Pro-Mahasiswa (Pro-M).

Sementara itu, barisan kabinet baharu MPP UMS menyaksikan

pelajar Tahun Tiga Fakulti Sains dan Sumber Alam, Mohd Al-Farid Abraham dilantik sebagai Presiden bagi sesi 2014/2015.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Hartin Abdullah ketika mengumumkan barisan baharu MPP mengingatkan ahli

yang dipilih agar melaksanakan agenda yang dijanjikan sepanjang mengadakan kempen.

"Mereka yang dipilih harus memikul tanggungjawab yang diamanahkan seluruh mahasiswa UMS agar kebijakan dan keperluan pelajar dapat disua-

rakan kepada pihak pengurusan universiti," katanya.

Pemilihan MPP di UPNM pula menyaksikan 14 kerusi dimenangi tanpa bertanding dan pembentukan kabinet baharu MPP dijangka dibuat tidak lama lagi.



Sebahagian daripada calon MPP UMS meraikan kemenangan selepas pengumuman keputusan pemilihan di Dewan Kuliah Pusat ke-2 UMS Kota Kinabalu.

TUJUAN UTAMA BERTANDING ADALAH UNTUK MEMPERJUANGKAN PELBAGAI ISU BERKAITAN MAHA-SISWA DENGAN PIHAK PENTADBIRAN"

Abdul Muiz Abdul Hakim,
Pelajar